

SERONOK

...sekumpulan remaja bermain rakit di Kampung Bukit Changgang, Sepang.



PINDAH... Mohd Khairul Naik Azman dan kakaknya, Siti Nur Atiqah mengangkat barang untuk diselamatkan.



>>Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

Tengkujuh bertandang

Air terus naik

Dengkil dan Kuala Langat terjejas, 2,000 penduduk dipindah

KUALA LANGAT: Jumlah mangsa banjir di Dengkil dan Kuala Langat meningkat kepada 2,000 orang dari 466 keluarga selepas paras air Sungai Langat terus naik sehingga melebihi paras bahaya iaitu sembilan meter.

Sehingga jam 6 petang semalam, 1,115 mangsa membabitkan 257 keluarga masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara di Dewan Orang Ramai Dengkil; Dewan Gemilang, Kampung Semarang dan Rancangan Tanah Belia (RTB) Labu Lanjut.

Sementara, sejumlah 831 mangsa membabitkan 209 keluarga dari RTB Bukit Changgang, Kampung Labuhan Dagang dan Kampung Bukit Changgang turut ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara mulai kelmarin berikutan kebanyakan kedatangan mereka dinaiki air hingga ke paras pinggang.

Pemangku Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Muhammad Hafiz Shaari berkata, kejadian itu berlaku selepas hujan lebat hingga menyebabkan paras air Sungai Langat meningkat mendadak sehingga melebihi paras bahaya iaitu sembilan meter.

Katanya, seramai 674 mangsa dari 163 keluarga ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) RTB Bukit Changgang; 56 mangsa dari 18 keluarga ditempatkan di dewan Genting Sanyen; Dewan Kampung Bukit Changgang seramai 23 mangsa membabitkan tujuh keluarga dan dewan Bukit Tandum seramai 77 mangsa dari 21 keluarga.

"Proses pemindahan penduduk bermula Isnin lalu selepas banjir yang bermula Sabtu tidak menunjukkan tanda-tanda akan surut.

"Air naik secara berperingkat-peringkat bermula dengan RTB, Bukit Tandum dan Labuhan Dagang menyebabkan penduduk yang pada mulanya enggan berpindah terpaksa berpindah ke pusat pemindahan berkenaan," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara SK RTB

NSTP-Media Prima agih 200 bungkusan makanan

DENGKIL: Tabung Bencana, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP)-Media Prima Berhad, (Tabung Bencana NSTP-Media Prima) mengagihkan 200 bungkusan bekalan makanan kepada mangsa banjir di sekitar kawasan ini bagi meringankan beban mereka.

Ketua Misi Tabung Bencana NSTP-Media Prima, Wan Abdillah Wan Nawi berkata, bekalan membabitkan beras, minyak masak, gula, tepung gandum, mee segera dan susu bernilai RM100 setiap satu itu diserahkan kepada setiap keluarga di pusat pemindahan sementara Dewan Orang Ramai Dengkil dan Dewan Gemilang Kampung Semarang.

"Kami memberi tumpuan kepada pengagihan makanan yang diserahkan secara terus kepada mangsa untuk dibawa pulang ke rumah selepas dibenarkan pulang kelak.

"Ini kerana kami yakin selepas pulang ke rumah sudah pasti banyak barang dapur rosak dan mereka tidak sempat membelinya kerana sibuk mengemas serta membersihkan rumah, jadi sumbangan ini dapat digunakan sementara membeli bekalan makanan

baru," katanya ketika ditemui sebelum mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Dengkil di sini, semalam.

Wan Abdillah yang juga Ketua Komunikasi Korporat NSTP berkata, pengagihan bekalan itu dibantu 20 sukarelawan daripada kakitangan NSTP.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan pasar raya besar Giant untuk membeli barangan itu yang turut menyediakan perkhidmatan penghantaran ke pusat pemindahan sementara.

Menurutnya, misi ini adalah

pertama tahun ini membabitkan mangsa banjir, dan pihaknya akan meneruskan misi ke negeri lain yang turut dilanda banjir seperti Johor, Melaka dan Perak.

"Selepas ini kita bercadang membantu mangsa banjir di Batu Pahat, Johor. Di sana mungkin kita akan mengambil bahagian untuk membersihkan pusat komuniti seperti masjid, klinik atau dewan bagi meringankan beban penduduk dengan mendapat kerjasama daripada Bridged Sukarelawan NSTP-Media Prima," katanya.



SERAH...Wan Abdillah (kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Dengkil, semalam.

Bukit Changgang, dekat sini.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon Selangor Selatan, Sharikan Bustaman berkata, lim-

pahan air dari Hulu Langat, Semenyih dan Negeri Sembilan akibat hujan lebat Sabtu lalu menjadi faktor utama kejadian banjir yang melanda

lima kampung dan lapan taman di sekitar kawasan ini, sejak Ahad lalu.

Katanya, keadaan itu menyebabkan paras air di Su-

ngai Labu dan Sungai Langat naik mendadak dan tidak mampu menampung jumlah air yang terlalu banyak.

"Ini kejadian banjir paling teruk pernah berlaku di kawasan ini sejak saya mula bertugas di sini. Tahun lalu hanya tiga kawasan saja yang dilanda banjir, tetapi pusat pemindahan sementara tidak dibuka kerana paras air tidak tinggi, namun tahun ini 13 kawasan dilanda banjir dan mangsa terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat," katanya.

Sharikan berkata, paras air paling tinggi yang dicatatkan pada hari pertama kejadian banjir adalah paras dada atau 1.5 meter, namun ada beberapa kawasan yang sudah surut sepenuhnya dan ada juga kawasan masih berada pada paras 0.3 hingga 0.6 meter.

Menurutnya, walaupun banjir beransur baik dan ada penduduk sudah dibenarkan pulang ke rumah, pihaknya masih berwaspada terhadap kemungkinan berlaku air pasang pada 13 November ini.

Katanya, Jabatan Meteorologi meramalkan akan berlaku air pasang mati pada tarikh itu, justeru pihaknya perlu bersedia dengan segala kemungkinan.

"Kalau sudah ada yang dibenarkan balik ke rumah, mereka masih kena berhati-hati dan sentiasa mengikut perkembangan banjir bagi mengelakkan kejadian tidak diingini," katanya.

Dalam perkembangan lain, sebahagian kecil bahagian dapur sebuah banglo di Kampung Sungai Buah, dekat sini rosak selepas ditimpa tanah runtuh.

Bagaimanapun, tiada kecederaan dilaporkan dan ia hanya membabitkan sebahagian kecil bahagian dapur banglo berkenaan.